

Negeri pantau kegiatan murtadkan umat Islam

Jabatan agama beri amaran kepada gereja cuba pesong akidah

Oleh Khairul Anuar Abdul Samad, Suzianah Jiffar, Mohd Roji Kawi, Azida Shaharuddin, Ifwan Tun Tuah, Nahar Tajri dan Petah Wazzan Iskandar
bhnews@bharian.com.my

SEREMBAN: Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS) akan mengambil tindakan terhadap mana-mana pihak termasuk gereja, jika terbukti ada cubaan memesonkan akidah umat Islam di negeri ini.

Pengarah JHEAINS, Johani Hasan, berkata pihaknya menyedari ada kegiatan dilakukan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan gereja yang memesonkan akidah, namun tiada laporan serta bukti mengenainya.

"JHEAINS sentiasa memantau perkara ini, namun pendekatan kita lebih kepada memulihkan semula akidah umat Islam yang terpesong.

"Bagaimanapun, kita memper-timbangkan tindakan lanjut terhadap gereja terbabit jika kegiatan

yang dijalankan melampaui batas sehingga menggugat akidah umat Islam," katanya kepada *Berita Harian*.

Di KOTA KINABALU, Menteri di Jabatan Ketua Menteri yang bertanggungjawab mengenai Hal Ehwal Agama Islam Sabah, Datuk Nasir Sakaran, mengakui ada pihak cuba mempengaruhi dan memurtadkan umat Islam di negeri itu, terutama di kalangan saudara baru, penduduk luar bandar dan perkampungan terpencil.

"Bilangannya tidak serius seperti dakwaan sesetengah pihak dan kita tidak pernah berdiam dalam soal ini kerana ia membabitkan akidah.

"Pada masa sama, wujud kekeliruan dari segi nama, misalnya individu bernama 'Mariam' yang bukan beragama Islam tetapi ketika memohon MyKad, agamanya dicatat sebagai Islam tanpa disedari.

"Apabila ini berlaku, 'Mariam' akan minta status agamanya ditukar kepada bukan Islam dan permohonan itu diklasifikasikan sebagai cubaan murtad sedangkan

hakikat adalah sebaliknya," katanya ketika dihubungi *Berita Harian*, semalam.

Di ALOR SETAR, Mufti Kedah, Datuk Syeikh Mohd Baderuddin Ahmad mahu kerajaan segera bertindak ke atas kegiatan memurtadkan orang Islam di negara ini bagi membolehkan kesucian agama terpelihara.

Bagaimanapun, katanya, pihak berkaitan dan badan agama Islam juga perlu memperkukuhkan institusi mereka dalam menangani isu berkaitan kebajikan dan keperluan umat Islam dari semasa ke semasa.

"Dalam hal ini semua pihak perlu memainkan peranan sama ada pada peringkat penguatkuasaan atau kerja kebajikan untuk kepentingan umat dan agama itu sendiri," katanya.

Di JOHOR BAHRU, Kerajaan negeri sehingga kini, tidak menerima sebarang aduan mengenai wujudnya usaha untuk mempengaruhi dan memurtadkan umat Islam di negeri, kata Pengerusi Jawatankuasa Agama negeri, Datuk Zainal



Nasir Sakaran



Zainal Abidin Osman

Abidin Osman.

"Walaupun ada pihak menyatakan kegiatan ini sudah menular ke seluruh negara, tetapi di negeri ini tidak ada," katanya ketika dihubungi, semalam.

Di KUCHING, Menteri Muda di Pejabat Ketua Menteri (Hal Ehwal Islam), Datuk Daud Abdul Rahman, berkata pemimpin Kristian akan merujuk kepada Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS) apabila ada umat Islam menemui mereka untuk meminta bantuan.

"Memang pernah berlaku umat Islam yang kesempitan hidup mendapatkan bantuan gereja tetapi kerjasama dan hubungan baik pemimpin pelbagai agama di negeri ini dengan merujuk JAIS dapat mengelak berlaku pemesonan akidah umat Islam yang menghadapi masalah kesempitan hidup," katanya.

Di KOTA BHARU, Menteri Besar, Datuk Nik Aziz Nik Mat menyerahkan kepada kerajaan Selangor dan PAS Pusat untuk menentukan isu mengenai serbuan JAIS menyerbu sebuah gereja yang dikatakan menyebar ajarannya kepada umat Islam, baru-baru ini.

"Tiada sebarang masalah yang berlaku di negeri ini, jika ada pun, ia hanyalah sedikit gangguan yang saya boleh diibaratkan seperti nyamuk di luar kelambu, tidak lebih dari itu," katanya.

Di GEORGETOWN, Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri, Abdul Malik Abul Kassim, berkata pihaknya tidak menerima laporan atau kes berhubung usaha pihak tertentu untuk mempengaruhi dan memurtadkan umat Islam.